



# UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

### PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2021/2022

NAMA KURSUS	:	PENGUKURAN DAN PENILAIAN DALAM PTV
KOD KURSUS	:	MBE 22703
KOD PROGRAM	:	MBV
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JANUARI/FEBRUARI 2022
JANGKA MASA	:	2 JAM 15 MINIT
ARAHAN	:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. JAWAB SEMUA SOALAN</li><li>2. PEPERIKSAAN AKHIRINI ADALAH PENTAKSIRAN SECARA DALAM TALIAN DAN DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU</li></ol>

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG DUA PULUH DUA (22) MUKA SURAT

**S1** Mengapa pelajar diberikan markah dalam peperiksaan?

- A Untuk menguji kecekapan pelajar.
- B Untuk menguji kecekapan pensyarah.
- C Untuk membandingkan prestasi pelajar.
- D Untuk membandingkan prestasi pelajar dengan pensyarah.

**S2** Apakah tujuan utama pengujian?

- A Memberi markah dan gred.
- B Mengumpul maklumat untuk penilaian.
- C Membuat perbandingan pencapaian antara pelajar.
- D Menempatkan pelajar dalam kumpulan yang sesuai.

**S3** Manakah **BUKAN** tujuan utama objektif pengajaran?

- A Memperbaiki dan merancang proses penulisan silibus.
- B Memberi arah memilih kaedah pengajaran yang sesuai.
- C Memberi panduan cara menilai pembelajaran.
- D Memudahkan pengajaran pensyarah.

**S4** Apakah yang dapat dijelaskan dengan pernyataan ukuran yang mempunyai kekerapan yang tinggi?

- A Min.
- B Mod.
- C Sisihan.
- D Median.

**S5** Apakah yang hendak dikira apabila mencampurkan semua markah dan dibahagikan dengan jumlah pelajar?

- A Min.
- B Mod.
- C Median.
- D Kekerapan.

- S6** Apakah yang hendak ditentukan dengan mengatur markah berdasarkan saiz dan bilangan ke arah titik tengah set markah sesuatu data dan merupakan purata bilangan?
- A Min.  
B Mod.  
C Sisihan.  
D Median.
- S7** Apakah jenis ujian yang digunakan untuk mendapatkan maklum balas dan membuat perkembangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran?
- A Sumatif.  
B Formatif.  
C Diagnostik.  
D Penempatan.
- S8** Apakah jenis ujian untuk menilai kebolehan pelajar pada awal pengajaran dan pembelajaran?
- A Sumatif.  
B Formatif.  
C Diagnostik.  
D Penempatan.
- S9** Apakah jenis ujian yang boleh digunakan untuk melihat perbezaan kebolehan antara pelajar?
- A Sumatif.  
B Diagnostik.  
C Rujukan norma.  
D Rujukan kriteria.
- S10** Peperiksaan awam apakah yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia?
- A Sijil Pelajaran Malaysia.  
B Penilaian Menengah Rendah.  
C Ujian Penilaian Sekolah Rendah.  
D Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.

**S11** Tingkah laku apakah yang **TIDAK** mempengaruhi pemeriksa?

- A. Ralat logik.
- B. Kesan halo.
- C. Bias kendiri.
- D. Aspek kognitif.

**S12** Manakah antara berikut merupakan contoh kesan halo dalam ujian jenis esei?

- A Tulisan pelajar.
- B Kerajinan pelajar.
- C Kebersihan pelajar.
- D Sikap semulajadi pelajar.

**S13** Apakah pengelasan ujian yang boleh digunakan untuk menilai minat dan sikap pelajar?

- A Ujian psikologi.
- B Ujian kecerdasan.
- C Ujian pencapaian jenisan.
- D Ujian pencapaian maksimum.

**S14** Apakah instrumen penilaian yang paling popular dijalankan di Malaysia?

- A Temuduga.
- B Ujian lisan.
- C Ujian psikologi.
- D Ujian kertas pensel.

**S15** Apakah jenis soalan yang sesuai digubal untuk seribu orang pelajar?

- A Padanan.
- B Benar-salah.
- C Aneka pilihan.
- D Jawapan pendek.

**S16** Apakah perkara yang terlibat dalam proses kesahan telahan?

- A Ramalan masa akan datang.
- B Mendapatkan skor yang tinggi.
- C Ujian interpretasi dan kepekaan.
- D Kemahiran dalam objektif khusus.

**S17** Apakan ciri ujian yang menekankan kepada konsistensi keputusan sesuatu ujian?

- A Kebolehpercayaan.
- B Kepenggunaan.
- C Keobjektifan.
- D Kesahan.

**S18** Aspek apakah merujuk sekiranya keputusan PMR digunakan untuk menentukan kebolehan pelajar berjaya dalam peperiksaan SPM?

- A Kesahan isi.
- B Kesahan ramalan.
- C Kesahan serentak.
- D Kesahan gagasan.

**S19** Manakah antara berikut **BUKAN** merupakan arahan yang perlu diberikan sebelumsesuatu ujian itu bermula?

- A Tujuan ujian.
- B Kaedah memberi jawapan.
- B Tindakan sekiranya meniru.
- D Menerangkan prosedur ujian.

**S20** Apakah dasar yang digunakan oleh pensyarah untuk memastikan kemahiran yang harus diperolehi oleh pelajar?

- A. Silibus.
- B. Matlamat.
- C. Jumlah soalan.
- D. Bilangan soalan.

**S21** Pernyataan manakah tepat mengenai soalan subjektif?

- A Merupakan soalan esei.
- B Markah berbeza mengikut pemeriksa.
- C Memerlukan pelajar menyumbangkan jawapan.
- D Memerlukan pelajar menjawab lebih dari satu perenggan.

**S22** Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri soalan yang baik ?

- A Mencabar minda semua pelajar.
- B Tidak mencampurkan hal-hal politik negara.
- C Penggunaan bahasa yang canggih dan cantik.
- D Menepati aras kesukaran dan kesesuaian untuk semua pelajar.

**S23** Soalan jenis apakah contoh terbaik kaedah antara pemeriksa?

- A Soalan esei.
- B Soalan padanan.
- C Soalan benar-salah.
- D Soalan aneka pilihan.

**S24** Instrumen manakah soalan jenis subjektif?

- A Struktur.
- B Padanan.
- C Benar-salah.
- D Aneka pilihan.

**S25** Manakah antara berikut yang merujuk kepada soalan jenis subjektif?

- A Merupakan soalan esei.
- B Memerlukan pelajar menyumbangkan jawapan.
- C Adalah di mana markah berbeza mengikut pemeriksa.
- D Memerlukan pelajar menjawab lebih daripada satu perenggan jawapan.

**S26** Manakah antara data berikut **TIDAK** terdapat dalam Jadual Penentu Ujian?

- A. Matlamat ujian.
- B. Tahap kemahiran.
- C. Jenis-jenis soalan.
- D. Jumlah soalan setiap isi kandungan.

**S27** Berapakah tahap kognitif mengikut taksonomi Bloom dalam pembinaan JPU?

- A 3
- B 4
- C 6
- D 7

**S28** Bagaimanakah penyusunan tahap kognitif dalam Jadual Penentuan Ujian?

- A Kiri ke kanan.
- B Kanan ke kiri.
- C Atas ke bawah.
- D Atas kiri ke bawah.

**S29** Bagaimanakah mengira nilai beza antara?

- A Menolak markah tertinggi dengan markah terendah.
- B Mencampur markah tertinggi dengan markah terendah.
- C Menolak markah kekerapan tertinggi dengan markah terendah.
- D Mencampur markah tertinggi dengan markah di tengah-tengah.

**S30** Mengapa penilaian diagnostik dilakukan ke atas pelajar yang mempunyai kesukaran pembelajaran?

- A Untuk menguji tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran
- B Untuk mengukur tahap kecekapan pelajar dalam pembelajaran.
- C Untuk membantu pelajar memperbaiki prestasi dalam pembelajaran.
- D Untuk menentukan punca masalah pembelajaran dan menyediakan perancangan untuk pemulihan

**S31** Pilih perbezaan antara ujian perlakuan dengan ujian pensel .

- A Penggunaan alat tulis.
- B Penetapan tarikh ujian.
- C Penggunaan bilik darjah.
- D Kebolehan calon dalam bahasa.

**TERBUKA**

**S32** Apakah kelemahan item padanan?

- A Sukar dibina.
- B Sukar diperiksa.
- C Sukar menggunakan kertas OMR.
- D Sesuai untuk mengukur pertalian antara dua fakta.

**S33** Apakah kelemahan aktiviti soal selidik?

- A Boleh diposkan.
- B Jimat masa dan tenaga.
- C Boleh diedarkan kepada orang ramai dalam masa yang singkat.
- D Soalan yang kurang jelas tidak dapat diberi penerangan yang jelas oleh penyelidik dengan segera

**S34** Mengapa arahan pengendalian peperiksaan perlu jelas?

- A Mengelakkan ralat.
- B Mengelakkan calon mengemukakan soalan.
- C Membolehkan calon mendapat markah yang tinggi.
- D Memudahkan pentadbiran dan aktiviti peperiksaan dilaksanakan seperti dirancang.

**S35** Faktor manakah yang **TIDAK** mempengaruhi kesahan?

- A Susunan soalan yang betul.
- B Arahan yang diberikan jelas.
- C Tahap kesukaran soalan yang sesuai.
- D Masa yang diberikan adalah panjang.

**S36** Apakah yang dimaksudkan dengan kebolehpercayaan sesuatu ujian?

- A Meramal kejayaan pelajar.
- B Penafsiran yang dibuat terhadap permarkahan.
- C Merujuk kepada ketekalan, ketepatan dan kejituuan.
- D Menentukan kecukupan dan kesesuaian soalan yang diberi.

**S37** Pernyataan manakah merujuk kepada meningkatkan mutu ujian?

- A Semua soalan tidak pernah dibincang dalam kuliah.
- B Pensyarah tidak memberitahu pelajar tarikh peperiksaan.
- C Pensyarah mengadakan ujian semasa ramai pelajar demam.
- D Pensyarah membincangkan soalan-soalan tahun yang lepas.

**S38** Mengapakah pembinaan soalan SPM dan STPM jarang dipertikaikan keputusannya?

- A Soalan disediakan oleh pakar.
- B Prosedur persediaan soalan adalah sistematik.
- C Peperiksaan selaras dengan tahap kognitif pelajar.
- D Penilaiannya mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi

**S39** Bagaimanakah mutu jawapan esei pelajar dapat ditingkatkan dari aspek kesahan dan kebolehkepercayaan?

- A Tempat duduk pelajar rapat semasa peperiksaan.
- B Kertas soalan esei diperiksa lebih dari seorang pemeriksa.
- C Pensyarah keluar sekejap semasa ujian sedang berjalan dalam kelas.
- D Pensyarah menyediakan soalan dari Buku Panduan Peperiksaan yang dijual di kedai.

**S40** Keadaan manakah menunjukkan penggunaan ujian esei tidak wajar dijalankan?

- A Untuk menggunakan prinsip sesuatu teori.
- B Untuk menilai sesuatu hipotesis dan implikasinya.
- C Untuk mengingati nama, peristiwa, istilah atau fakta.
- D Untuk menyusun dan mensintesis bahan pembelajaran.

**S41** Apakah tujuan utama pemeriksaan skrip jawapan dijalankan antara pemeriksa dengan pemeriksa?

- A Untuk mendapatkan kesahan.
- B Untuk memperolehi keobjektifan.
- C Untuk memudahkan kepenggunaan.
- D Untuk mendapatkan kebolehpercayaan.

**S42** Mengapa pensyarah perlu menggunakan Jadual Penentu Ujian?

- A Meningkatkan lagi kesahan.
- B Menerangkan sebaran jenis butiran.
- C Menerangkan objektif setiap soalan.
- D Meningkatkan lagi kebolehpercayaan.

**S43** Apakah kebaikan pembinaan JPU dalam penyediaan soalan ujian?

- A Memudahkan kerja membina soalan.
- B Mengelak dari menulis soalan tanpa perancangan.
- C Menilai kebolehan pensyarah dalam menyampaikan pengajaran.
- D Menilai kefahaman pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran.

**S44** Pilih kata kerja **BUKAN** domain afektif?

- A Merasa.
- B Melihat.
- C Memerhati.
- D Menerangkan.

**S45** Pilih kata kerja **BUKAN** domain psikomotor?

- A Membina.
- B Merekacipta.
- C Merumuskan.
- D Mengubahsuai.

**S46** Pilih kata kerja **BUKAN** domain kognitif?

- A Mengumpul.
- B Menjelaskan.
- C Menghuraikan.
- D Membandingkan.

**S47** Mengapakah pensyarah gemar menggunakan pemarkahan secara analitik?

- A Lebih mudah diperiksa.
- B Sesuai digunakan untuk ujian esei.
- C Boleh diperiksa oleh pensyarah lain.
- D Mudah menyediakan skema pemarkahan.

**S48** Apakah fungsi paling penting dalam indeks diskriminasi sesuatu item?

- A Menentukan kesahan ujian.
- B Menentukan kebolehpercayaan ujian.
- C Menentukan sama ada item itu baik atau sebaliknya.
- D Mengira skor ujian untuk meramalkan keputusan pelajar.

**S49** Mengapa pemeriksaan kaedah holistik sukar dilaksanakan?

- A Pemberian markah amat subjektif.
- B Pemeriksaan dilaksanakan secara fakta.
- C Masa yang lama untuk memeriksa setiap skrip jawapan.
- D Perselisihan pemberian markah antara pemeriksa sukar diselaraskan.

**S50** Maklumat apakah yang tidak tepat mengenai fungsi analisis item?

- A Item yang kurang jelas maksudnya.
- B Item yang terlalu senang atau susah.
- C Membaiki semula item-item yang didapati tidak baik.
- D Mengubah markah pelajar semula kerana didapati ada item yang tidak baik.

**S51** Mengapakah pensyarah lebih suka membina soalan aneka pilihan berbanding dengan soalan eseai?

- A Pelajar tidak dapat memberikan jawapan sebenar dalam soalan eseai.
- B Soalan subjektif hanya menyoal pelajar pada tahap kognitif tinggi sahaja.
- C Pensyarah boleh menggunakan kembali soalan aneka pilihan pada bila-bila masa.
- D Pensyarah sukar memberi markah kepada pelajar yang memberi jawapan terlalu panjang dalam soalan eseai.

**S52** Terangkan kaedah penilaian rujukan kriteria?

- A Menerangkan pencapaian pelajar berdasarkan tugas pembelajaran yang ditetapkan.
- B Menerangkan pencapaian pelajar berbanding dengan prestasi pelajar lain.
- C Menentukan pencapaian individu yang terbaik.
- D Menentukan faktor kesukaran yang sentiasa ada.

**S53** Manakah **BUKAN** persamaan antara rujukan norma dengan rujukan kriteria?

- A Menggunakan jenis soalan yang homogen.
- B Memerlukan soalan yang mewakili dan sesuai.
- C Menekankan perbezaan antara individu di dalam kelas.
- D Menggunakan kaedah yang sama dan berguna untuk pengukuran pendidikan.

**S54** Pilih pernyataan yang boleh menyebabkan pelajar meniru dalam peperiksaan.

- A Meja pelajar dipastikan kosong semasa ujian.
- B Susunan tempat duduk pelajar sesuai dan mengikut peraturan.
- C Pensyarah hanya duduk di sudut kelas tanpa berjalan di sekeliling mengawasi peperiksaan.
- D Butiran ujian dijaga dengan baik semasa proses membina, mencetak, menyimpan dan mentadbir ujian.

**S55** Berdasarkan rubrik berikut pilih penskoran yang cemerlang?

- A Tidak menguasai sebarang objektif utama yang telah ditetapkan. Hujah yang diberikan lemah.
- B Telah menguasai semua objektif utama dan minor. Dapat memberikan hujah yang baik dan berkesan.
- C Hampir menguasai semua objektif utama tetapi masih memerlukan bantuan dalam objektif minor. Dapat memberikan hujah dengan memuaskan.
- D Memerlukan lebih bimbingan daripada guru. Perlu menguasai separuh daripada objektif utama dan sedikit objektif minor. Hujah yang diberikan masih belum cukup memuaskan.

**S56** Aktiviti apakah yang tidak boleh dijalankan di dalam dewan peperiksaan?

- A Mengawasi pelajar.
- B Mempastikan faktor persekitaran yang kondusif.
- C Memberi arahan lisan setiap 5 minit untuk memperingati pelajar.
- D Mempastikan di atas meja pelajar kosong sebelum ujian dijalankan.

**S57** Apakah ciri pentaksiran itu bermutu tinggi dari aspek kesahan isi kandungan soalan?

- A Terdiri daripada berbagai aras soalan.
- B Dapat dijawab oleh kebanyakan calon dengan betul.
- C Menyentuh aspek-aspek penting isi pelajaran yang diajar.
- D Disediakan oleh pakar-pakar mata pelajaran yang tertentu.

- S58** Manakah langkah-langkah yang harus dilakukan oleh seseorang pensyarah dalam mentadbir sesuatu ujian?
- A Tentukan tujuan, bina *blue print*, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.  
B Tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, bina *blue print*, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.  
C Tentukan tujuan, bina *blue print*, pilih jenis soalan, sedia soalan, kumpul soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.  
D Bina *blue print*, tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
- S59** Bagaimanakah cara yang sesuai untuk mempertingkatkan ciri kebolehpercayaan dalam sesuatu ujian?
- A Menyediakan ujian yang mempunyai ciri kesahan ramalan.  
B Menyediakan ujian yang mempunyai ciri kesahan serentak.  
C Menyediakan bilangan soalan yang berpatutan.  
D Menolak markah calon yang meniru.
- S60** Aktiviti manakah merujuk kepada kebolehpercayaan soalan peperiksaan?
- A Soalan terlalu sukar sehingga pelajar terpaksa meneka.  
B Kertas soalan eseai diperiksa lebih daripada seorang pemeriksa.  
C Pensyarah membuat pembetulan item semasa peperiksaan sedang berjalan.  
D Pensyarah menyediakan item dari buku Panduan Peperiksaan yang dijual di kedai.
- S61** Apakah faktor yang boleh merendahkan kesahan dan kebolehpercayaan bagi soalan jenis aneka pilihan?
- A Pensyarah membanyakkan soalan dari 30 soalan kepada 50 soalan.  
B Pensyarah memberitahu keputusan ujian kepada pelajar setelah 2 minggu ujian dijalankan.  
C Pelajar tidak mengulangkaji pelajaran matematik pada waktu malam yang keesokannya ada ujian matematik.  
D Terdapat 5 soalan ujian daripada 40 soalan yang tidak diajar dalam kelas tetapi soalan tersebut tidak dikira markah.

**S62** Apakah kelebihan item objektif berbanding item subjektif?

- A Boleh diperbaiki dan digunakan semula.
- B Lebih mudah dan lebih objektif untuk diperiksa.
- C Mempunyai darjah kebolehpercayaan yang lebih rendah.
- D Memerlukan kemahiran dan imaginasi dalam pembinaannya.

**S63** Apakah cara yang paling berkesan mempertingkatkan ciri keobjektifan ujian subjektif?

- A Pemeriksa diberi latihan memeriksa.
- B Menyediakan item yang mudah diperiksa.
- C Ujian diperiksa oleh pemeriksa yang berpengalaman.
- D Pemeriksa mematuhi skema pemarkahan semasa memeriksa.

**S64** Pilih jawapan yang **SALAH** mengenai kenyataan berikut.

- A Soalan objektif lebih sukar untuk diperiksa
- B Soalan objektif lebih sukar dibina daripada soalan subjektif.
- C Skema jawapan soalan subjektif hendaklah disediakan setelah membina soalan.
- D Soalan eseai mempunyai darjah kebolehpercayaan yang kurang jika dibandingkan dengan soalan-soalan objektif.

**S65** Pilih kenyataan yang kurang tepat mengenai kebaikan ujian subjektif.

- A kaedah ujian ini adalah lebih berkesan.
- B memerlukan jawapan yang tepat dan ringkas.
- C memerlukan masa yang singkat untuk membentuk soalan.
- D memberi peluang kepada pelajar untuk membuat penyelidikan.

**S66** Apakah taksonomi objektif pembelajaran Bloom yang memfokuskan sikap, kegemaran penghargaan dan penyesuaian?

- A Afektif.
- B Kognitif.
- C Psikologi.
- D Psikomotor.

**S67** Berdasarkan Taksonomi Kognitif Bloom, apakah tahap yang merujuk kepada objektif pengajaran yang meminta pelajar mencantum beberapa maklumat atau idea, membuat ramalan, menyelesaikan masalah dan membina sesuatu yang baru?

- A Analisis.
- B Aplikasi.
- C Penilaian.
- D Sintesis.

**S68** Susun turutan Taksonomi Kognitif Bloom dengan betul?

- A Pengetahuan – Pemahaman – Aplikasi – Analisis – Sintesis – Penilaian.
- B Pemahaman – Pengetahuan – Analisis – Sintesis – Aplikasi – Penilaian.
- C Analisis – Sintesis – Pengetahuan – Pemahaman – Penilaian – Aplikasi.
- D Pengetahuan – Pemahaman – Penilaian – Analisis – Sintesis – Aplikasi.

**S69** Apakah tahap kemahiran yang paling sesuai dikaitkan dengan tahap kemahiran pelajar yang boleh membezakan, memilih dan juga memastikan sesuatu perkara?

- A Sintesis.
- B Analisis.
- C Penilaian.
- D Penggunaan.

**S70** Soalan 70 berdasarkan pernyataan berikut.

Proses memeriksa skrip ujian oleh adalah seperti berikut.

- i. Pemeriksa membaca skema berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
- ii. Kemudian memberi gred berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
- iii. Akhirnya membaca skrip sekali lagi untuk membuat pengubahsuaian.

Apakah kaedah pemeriksaan yang digunakan guru tersebut?

- A Analistik.
- B Holistik.
- C Realistik.
- D Idealistik.

**S71** Pilih pernyataan yang **TIDAK BENAR** mengenai kesahan.

- I      kesahan serentak – merujuk kepada ramalan prestasi masa yang sama.
- II     kesahan telahan – merujuk kepada prestasi yang berkait dengan sesuatu ciri.
- III    kesahan gagasan – merujuk kepada kesahan jangka panjang.
- IV    kesahan isi – merujuk kepada ketepatan isi ujian.

- A     I sahaja.
- B     II dan III sahaja.
- C     I, III dan IV sahaja.
- D     I, II dan IV sahaja.

**S72** Pilih panduan menulis soalan objektif.

- I     Ikut jadual penentu ujian.
- II    Elakkan kekeliruan.
- III   Pastikan kejelasan perkataan.
- IV   Diambil daripada buku teks.

- A     I dan II sahaja.
- B     I, II dan III sahaja.
- C     II, III dan IV sahaja.
- D     I, II, III dan IV

**S73** Apakah ciri-ciri pemeriksa kertas jawapan yang baik?

- I     Pemeriksa kertas jawapan mestilah adil.
- II    Mesti mematuhi peraturan pemarkahan yang disediakan.
- III   Perlu tegas (*strict*) terhadap mutu jawapan pelajar.
- IV   Perlu lembut (*lenient*) terhadap mutu jawapan pelajar.

- A     I dan II sahaja.
- B     I, II dan IV sahaja.
- C     I, III dan IV sahaja.
- D     I, II, III dan IV.

**S74** Mengapa pengukuran afektif agak sukar dibandingkan dengan pengukuran kognitif?

- I Berbentuk implisit.
  - II Tidak ditekankan secara formal di dalam kelas.
  - III Dipengaruhi oleh persekitaran.
- 
- A I sahaja.
  - B I dan II sahaja.
  - C II dan III sahaja.
  - D I, II dan III.

**S75** Pilih instrumen pentaksiran yang boleh digunakan untuk menilai pelajar

- I soalan berstruktur.
  - II eksperimen.
  - III portfolio.
  - IV lisan.
- 
- A I dan II sahaja.
  - B I, II dan III sahaja.
  - C II, III dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV

**S76** Manakah antara berikut seringkali digunakan untuk mengukur varian?

- I Sela kelas.
  - II Beza antara.
  - III Sisihan sukuan.
  - IV Sisihan lazim.
- 
- A I, II, III sahaja.
  - B I, III, IV sahaja.
  - C II, III, IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.

**S77** Apakah faktor yang boleh mempengaruhi kesahan ?

- I Susunan soalan yang tidak betul.
  - II Arahan yang diberikan tidak jelas.
  - III Masa yang diberikan adalah panjang.
  - IV Tahap kesukaran soalan yang tidak sesuai.
- 
- A I, II dan III sahaja.
  - B I, III dan IV sahaja.
  - C I, II dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.

**S78** Apakah fungsi analisis item ?

- I Menggugurkan item yang kurang jelas maksudnya.
  - II Menentukan item yang terlalu senang atau susah.
  - III Membaiki semula item-item yang didapati tidak baik.
  - IV Mengubah markah pelajar semula kerana didapati ada item yang tidak baik.
- 
- A I dan II sahaja.
  - B I, II dan III sahaja.
  - C I, II dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.

**S79** Senaraikan pelan pembinaan ujian yang baik.

- I Apa tujuan ujian.
  - II Siapa yang mengambil ujian.
  - III Berapa lama ujian dijalankan.
  - IV Apa yang diliputi ujian.
- 
- A I, II, III sahaja.
  - B I, III, IV sahaja.
  - C II, III, IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.

**S80** Apakah kriteria yang digunakan untuk menilai kualiti ujian?

- I. Kesahan.
  - II Keobjektifan.
  - III Kepenggunaan.
  - IV Kebolehpercayaan.
- 
- A I dan II sahaja.
  - B I, II dan III sahaja.
  - C III dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.

**S81** Manakah antara berikut tujuan pembinaan soalan eseい?

- I Esei disoal pada peperiksaan akhir.
  - II Pelajar dapat menyumbangkan jawapan.
  - III Untuk menguji tahap kognitif yang pelbagai.
  - IV Soalan boleh disimpan supaya boleh digunakan lagi.
- 
- A I dan II sahaja.
  - B I, II dan III sahaja.
  - C I, II dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.

**S82** Bagaimanakah susunan yang betul bagi penyediaan Jadual Penentuan Ujian?

- I Penentuan peratus ditentukan.
  - II Jenis butiran dinyatakan dalam soalan.
  - III Guna sibus, bahan pengajaran ditulis dari atas ke bawah.
  - IV Jadual dipenuhi dengan bilangan soalan dalam bentuk nombor untuk setiap tajuk.
- 
- A I, III, IV, II.
  - B I, IV, III, II.
  - C II, III, IV, I.
  - D IV, II, I, III.

**S83** Apakah kebaikan penskoran secara holistik?

- I Mempercepatkan proses penskoran.
  - II Memberikan maklumat terperinci bagi setiap skor.
  - III Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas.
- 
- A I dan II sahaja.
  - B I dan III sahaja.
  - C II dan III sahaja.
  - D I, II dan III.

**S84** Antara pernyataan berikut, manakah pernyataan yang benar tentang fungsi gred?

- I Memberitahu keberkesanan pengajaran guru.
  - II Memberitahu ibubapa tentang prestasi anak mereka.
  - III Memilih pelajar untuk melanjutkan pelajaran
  - IV Menerangkan kekuatan dan kelemahan pelajar.
- 
- A I, II dan III sahaja.
  - B II, III dan IV sahaja.
  - C I, III dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.

**S85** Pilih langkah-langkah untuk menyediakan item ujian yang bermutu tinggi

- I Menggunakan Jadual Penentuan Ujian.
  - II Membina item berdasarkan objektif pengajaran.
  - III Memeriksa kertas jawapan mengikut skema pemarkahan.
- 
- A I dan II sahaja.
  - B I dan III sahaja.
  - C II dan III sahaja.
  - D I, II dan III sahaja

**S86** Apakah ciri-ciri taksonomi?

- I Metakognitif.
  - II Kognitif.
  - III Psikomotor.
  - IV Afektif.
  - V Konstruktivisme.
- 
- A II dan III sahaja.
  - B I, III dan IV sahaja.
  - C I, III dan V sahaja.
  - D II, III dan IV sahaja.

**S87** Mengapa soalan sukar dijawab?

- I Kekangan masa.
  - II Arahan tidak jelas.
  - III Tahap kesukaran tidak sesuai.
  - IV Struktur ayat dan tatabahasa sukar difahami.
- 
- A I dan II sahaja.
  - B I, II dan III sahaja.
  - C I, II dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.

**S88** Antara berikut manakah sumber varian berbeza yang mempengaruhi soalan berat sebelah (*bias*)?

- I Lelaki dengan perempuan.
  - II Bandar dengan luar bandar.
  - III Taraf ekonomi berbeza.
- 
- A I dan II sahaja.
  - B I dan III sahaja.
  - C II dan III sahaja.
  - D I, II dan III.

**S89** Pilih faktor-faktor yang mempengaruhi kesahan soalan.

- I ambiguiti.
  - II arahan kurang jelas.
  - III jawapan boleh diramalkan.
- 
- A I sahaja.
  - B I dan II sahaja.
  - C II dan III sahaja.
  - D I, II dan III.
- 
- S90** Apakah kesan fizikal yang dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa menjalani peperiksaan?
- I Jantung berdebar.
  - II Tengkuk tegang.
  - III Tangan menggeletar.
  - IV Bersemangat menjawab soalan.
- 
- A I dan II sahaja.
  - B I, II dan III sahaja.
  - C II, III dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV

**-SOALAN TAMAT-**